

SULIT

NAMA: ..... TINGKATAN: .....

NO. KAD PENGENALAN

Grid for identification number

ANGKAGILIRAN

Grid for identification number

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN (MPP SIRI 3/2018) / PERCUBAAN SPM

1249/2 SEJARAH SPM

Kertas 2 Ogos 2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka gilirannya...
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Table with columns: Bahagian, Soalan, Markah Penuh, Markah Diperoleh. Rows for A (1-4), B (5-11), and Jumlah.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

1249/2@MPP Siri 3 2018

[Lihat halaman sebelah SULIT


SULIT

1


1249/2

Bahagian A (40 markah) Jawab Semua Soalan

- 1 Peningkatan dalam seni bina mencerminkan ketahanan manusia dalam tamadun awal menghadapi cabaran untuk menghasilkan monumen yang kekal sehingga kini.



X



Y

- a) Namakan monumen di atas.

X:.....

Y:.....

[2 markah]

- b) Bagaimanakah masyarakat dalam tamadun di atas mampu menghasilkan seni bina yang menakjubkan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan monumen di atas sebagai sebagai Tapak Warisan Dunia yang perlu dipelihara dan dikekalkan.  
Jelaskan kepentingan pengisytiharan tersebut kepada masyarakat dunia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Perjanjian Hudaibiyah telah termeterai antara orang Islam Madinah dengan orang Quraisy Makkah di Hudaibiyah pada tahun 628M bersamaan 6 H.

- a) Nyatakan rentetan peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah.

.....

.....

.....

[2 markah]

- b) Mengapakah Nabi Muhammad SAW sanggup menerima Perjanjian Hudaibiyah walaupun para sahabat menganggap perjanjian tersebut menguntungkan pihak Arab Quraisy Makkah?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Jelaskan bukti yang menunjukkan Perjanjian Hudaibiyah memmberi kesan penting terhadap perkembangan Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Berikut ialah pemimpin-pemimpin yang menggerakkan persatuan-persatuan pada sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an di negara kita.



Mohammad Eunus Abdullah  
pemimpin  
Kesatuan Melayu Singapura

Datu Patinggi Abang Haji Abdillah  
pemimpin  
Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

Ibrahim Haji Yaakob  
pemimpin  
Kesatuan Melayu Muda

(a) Apakah tujuan persatuan-persatuan tersebut ditubuhkan?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) mencapai matlamatnya sebagai sebuah persatuan yang bersifat politik?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Mengapakah pemimpin-pemimpin di atas menjadikan persatuan sebagai wadah perjuangan?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 4 Pakatan murni merujuk kepada persetujuan bersama dan kesanggupan saling memberi dan menerima semua bangsa di Malaysia sebelum negara mencapai kemerdekaan.  
Sumber: Rohani Hj. Ab. Ghani (ed) *Negara Bangsa Malaysia; Asas dan cabaran* (2016)  
UUM Press.

(a) Mengapakah pakatan murni diperkenalkan di Tanah Melayu?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Usaha-usaha pakatan murni dalam kalangan penduduk-penduduk di Tanah Melayu telah berjaya menubuhkan Parti Perikatan.  
Jelaskan usaha tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Semangat kerjasama dan toleransi pelbagai kaum adalah penting untuk diamalkan oleh rakyat Malaysia.  
Buktikan pernyataan ini.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Bahagian B**  
[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.

5

Nabi Muhammad SAW satu-satunya rasul Allah yang diutuskan untuk semua bangsa dan golongan. Baginda bukan sahaja seorang rasul tetapi juga sebagai khalifah yang membawa perubahan kepada umat manusia, mengajarkan tentang erti persaudaraan, akhlak dan erti kehidupan sebenar sejak kecil sehingga diangkat menjadi rasul.

- (a) Jelaskan latar belakang Nabi Muhammad SAW sehingga diangkat menjadi rasul. [8 markah]
- (b) Bagaimanakah sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW melayakkan baginda digelar al-Amin? [6 markah]
- (c) Peristiwa perletakan semula Hajar Aswad (batu hitam) di kaabah menjadi bukti bahawa Nabi Muhammad SAW mempunyai akal yang matang dan pandangan bernas.  
Ulasakan peristiwa ini. [6 markah]

6



Kepesatan pelabuhan Melaka pada abad ke 15 Masihi

- (a) Berdasarkan gambar di atas dan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pelabuhan Kerajaan Melayu Melaka menjadi tumpuan pedagang ketika itu? [8 markah]
- (b) Pengenalan sistem cukai dan mata wang membantu memajukan ekonomi kerajaan Melayu Melaka.  
Ulasakan pernyataan ini. [6 markah]
- (c) Cadangkan usaha untuk menjadikan pelabuhan di negara kita sebagai pelabuhan entrepot yang unggul. [6 markah]


- 7 Zaman Renaissance yang bermula di Itali adalah zaman kelahiran kembali kebudayaan Yunani-Romawi di Eropah pada abad 14M hingga pertengahan abad 17M.
- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah zaman Renaissance bermula di Itali? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan-kesan zaman Renaissance kepada masyarakat Eropah? [6 markah]
- (c) Perkembangan zaman Renaissance di Eropah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat dunia. Buktikan. [8 markah]

8


Pada 16 September 1963 negara Malaysia ditubuhkan secara rasminya yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura.

- (a) Kejayaan pembentukan Malaysia memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan tokoh politik di Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura. Buktikan bagaimana kerjasama ini menghasilkan kejayaan. [8 markah]
- (b) Perjanjian Malaysia telah ditandatangani di London pada 9 Julai 1963. Jelaskan intipati Perjanjian Malaysia 1963. [6 markah]
- (c) Tindakan bijak Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman membentuk Malaysia memberi kebaikan kepada rakyat negara kita sehingga kini. Beri penjelasan anda. [6 markah]

- 9 Gambar di bawah menunjukkan lambang-lambang negara kita.



Jata Negara Malaysia



Bendera Kebangsaan

- (a) Jelaskan maksud simbol-simbol pada Jata Negara Malaysia. [4 markah]
- (b) Mengibarkan bendera kebangsaan dalam upacara rasmi merupakan suatu tindakan yang rasional. Utlaskan pernyataan ini. [8 markah]
- (c) Terdapat beberapa cabaran dalam usaha menggalakkan masyarakat Malaysia mendaulatkan lambang-lambang negara. Terangkan cabaran tersebut. [8 markah]
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan pengubalan Rukun Negara.

Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin, Yang di-Pertuan Agong IV. Rukun Negara diperkenalkan berikutan peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia.

Sumber : [pmr.penerangan.gov.my](http://pmr.penerangan.gov.my)

- (a) Nyatakan prinsip-prinsip Rukun Negara. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah prinsip di (a) diamalkan dalam kehidupan seharian? [8 markah]
- (c) Rukun Negara penting untuk pembinaan bangsa dan negara Malaysia. Beri penjelasan anda. [8 markah]

11 Abad ke-21, memperlihatkan berlakunya revolusi teknologi maklumat di dunia.

- (a) Apakah cabaran revolusi teknologi maklumat kepada kehidupan masyarakat masa kini. [4 markah]
- (b) Huraikan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia dalam menghadapi cabaran dalam 8(a). [8 markah]
- (c) Berikut adalah antara petunjuk kemajuan sesebuah negara pada masa kini.

- K-ekonomi
- K-masyarakat

Sejauh manakah kedua-dua petunjuk tersebut mempengaruhi kemajuan sesebuah negara. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**